

09/09/1997

PM dapat anugerah universiti

Zam Zam Omar in Ulan Bator

ULAN BATOR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memulakan lawatan rasmi empat hari ke Mongolia, dijangka dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah oleh Universiti Kebangsaan Mongolia.

Setibanyanya di sini petang ini, Perdana Menteri menghadiri upacara sambutan di Sukhbaatar Square oleh rakan sejawatan, M Enkhsaikhandi.

Beliau yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba dengan pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Buyant-Ukhaa kira-kira jam 4.20 petang waktu tempatan.

Menyambut beliau di lapangan terbang ialah Menteri Pengiring yang juga Menteri Luarnya, S H Atengerel. Malam ini, Enkhsaikhan meraikan Dr Mahathir dan isteri pada satu majlis di Rumah Kerajaan.

Dr Mahathir adalah Perdana Menteri Malaysia pertama melawat Mongolia. Beliau dijadualkan melawat negara ini tahun lalu.

(END)